

01 JUN 1998

Mahathir-Pelaburan

SYARIKAT MULTINASIONAL AMERIKA NAK MELABUR DI MALAYSIA

Oleh: Michael Raj

TOKYO, 1 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan mendapat pelaburan besar-besaran dari syarikat-syarikat multinasional Amerika terutama dalam sektor kimia dan petrokimia.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat ini termasuk kumpulan petrokimia, Eastman dan syarikat aneka penceburan Proctor & Gamble, berminat melabur secara besar-besaran di pantai timur Semenanjung.

"Kami akan mendapat banyak pelaburan besar dari Amerika untuk menceburi kegiatan nilai ditambah petrokimia hiliran," katanya apabila ditanya sama ada Malaysia bimbang tentang kemungkinan Jepun mengurangkan pelaburan asingnya di Malaysia disebabkan masalah ekonomi.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita setibanya di Hotel Okura di sini untuk memulakan lawatan kerja ke Jepun selama lima hari.

Terdahulu, beliau disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa Narita oleh Duta Besar Malaysia ke Jepun, Tan Sri H.M. Khatib.

Eastman merupakan sebuah syarikat kimia antarabangsa yang terkemuka. Ia mengeluarkan lebih 400 keluaran kimia, gentian dan plastik manakala Proctor & Gamble, antara lain terbabit dalam keluaran penjagaan kesihatan peribadi, makanan dan minuman serta barangan cucian.

Menyentuh kemungkinan berkurangnya pelaburan Jepun yang merupakan pelabur utama Malaysia, beliau berkata: "Saya rasa sedikit sebanyak kita akan terjejas kerana ini memang tidak boleh dielak, tetapi saya berharap ia kecil."

"Syarikat-syarikat besar...mereka masih berminat dan masih datang, tetapi sekarang kita akan dapat pelaburan dari Amerika," katanya.

Beliau berkata arah aliran pelaburan langsung asing agak berbeza daripada dahulu (di mana) pelaburan ini bukan sahaja terhad kepada elektronik tetapi juga dipelbagaikan kepada petrokimia.

Esok, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan utama pada simposium kelima Institut Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa mengenai pemulihan ekonomi Jepun dan masa depan Asia dan diikuti oleh sesi soal jawab.

Pada Rabu, Perdana Menteri mempunyai program persendirian dan beliau dijangka menemui eksekutif perniagaan terkemuka dari Jepun.

Dr Mahathir berkata beliau akan mengambil kesempatan daripada pertemuan peribadi ini untuk menemui seramai mungkin ahli perniagaan Jepun bagi mengusahakan pelaburan berterusan Jepun ke Malaysia.

Pada sebelah petang hari Khamis, beliau akan menyampaikan satu lagi ucapan utama pada "Persidangan Antarabangsa Nikkei" bertemakan "Masa depan Asia".

Pada sebelah malam pula, beliau akan bersama Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto menghadiri majlis jamuan sempena persidangan itu dan kedua-dua pemimpin dijangka menyampaikan ucapan mengenai krisis ekonomi Asia.

-- BERNAMA

MR KY MA FAZ